

Kami sedia membantu sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau keraguan mengenai polisi anda.

Pemegang polisi yang dihargai,

Di dalam usaha kami untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada para pelanggan, pegawai-pegawai terlatih Perkhidmatan Pelanggan kami bersedia untuk membantu anda mengenai sebarang pertanyaan berhubung polisi anda. Ini termasuk pertanyaan-pertanyaan am mengenai polisi, faedah-faedah polisi, opsyen bayaran premium, atau sebarang perasaan tidak puas hati atau keraguan yang ingin anda suarakan mengenai polisi anda. Sila hubungi pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelanggan kami di:

Alamat : Unit Perkhidmatan Pelanggan
Uni.Asia Life Assurance Berhad
Bangunan Uni.Asia
16 Jalan Tun Tan Siew Sin
50050 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03 - 2687 2020
No. Faksimili : 03 - 2026 6096
Email : customerservice@uniasialife.com.my

Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan penjelasan daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelanggan kami, anda boleh merujuk perkara tersebut kepada Biro Pengantaraan Kewangan (BPK). BPK adalah satu badan bebas yang ditubuhkan untuk menyelesaikan sebarang kerumitan diantara pelanggan dengan syarikat kewangan. Anda boleh menghubungi pihak BPK di:

Alamat : Biro Pengantaraan Kewangan
Tingkat 25, Dataran Kewangan Darul Takaful
4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03 - 2272 2811
No. Faksimili : 03 - 2274 5752
Laman Web : www.fmb.org.my

Anda juga boleh merujuk perkara berkaitan aduan, kerumitan atau tuntutan (tuntutan di mana amaun tidak melebihi RM 100,000.00) kepada Biro Pengantaraan Kewangan. Semua kes-kes yang tidak dikendalikan oleh BPK boleh dikemukakan kepada Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP) di Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti dibawah:

Alamat : Biro Perkhidmatan Pelanggan
Bahagian Pengawalan Insurans
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato Onn
50480 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-2698804 samb 7793/ 8171/ 8487/ 8540/
7846/ 7964

Walau bagaimanapun, BPP, tidak mengendalikan:

- aduan-aduan yang melibatkan tuntutan yang melebihi RM500,000, kecuali ia melibatkan aduan-aduan mengenai kualiti perkhidmatan dan pengendalian tuntutan yang tidak adil;
- aduan-aduan yang telah dikemukakan kepada BPK atau mahkamah, dan yang dikendalikan melalui peguam anda (kecuali tentang pengesahan perlindungan insurans).

Unit Perkhidmatan Pelanggan kami telah ditubuhkan bagi memastikan pemegang-pemegang polisi sentiasa mendapat perkhidmatan yang terbaik.

Di Uni.Asia Life, kami percaya dalam memberi penyelesaian kepada masalah kewangan bagi memenuhi keperluan hari ini dan impian hari esok melalui perkhidmatan yang istimewa.